

Simposium Kecemerlangan mantapkan tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam

10 27.6.2019 B3

TAWAU: Simposium Kecemerlangan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2.0 peringkat negeri merupakan usaha untuk membangunkan tahap profesionalisme dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di seluruh negara.

Simposium itu yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (BPI) dengan kerjasama Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM) dan Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTH) membabitkan seramai 300 peserta dari kalangan guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab dari seluruh daerah di negeri ini.

Simposium yang diadakan selama sehari di Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT) juga

melibatkan para pegawai Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pensyarah dan pelajar dari Institut Pendidikan Guru yang terlibat secara langsung dalam mengurus tadbir pendidikan Islam dan bahasa Arab.

Ketua Sektor Pembangunan Profesional dan Penyelidikan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia Shamsul Shah Tarja berkata simposium itu bukan saja diadakan di negeri Sabah, malah beberapa siri simposium akan diadakan di beberapa negeri berdasarkan tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan.

"Pada tahun ini, Sabah merupakan negeri kedua yang menganjurkan siri simposium ini selepas Negeri Sembilan, diikuti Johor, Terengganu,



SHAMSUL

Perak, Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan, Kedah, Pahang, Miri dan Sibru Sarawak," katanya.

Katanya, adalah dianggarkan sejumlah 3,700 peserta keseluruhannya sepanjang simposium itu



AHLI panel terdiri (dari kanan) Bani Hidayat, Halimatus Saadiah (tengah) dan Ghazali.

diadakan dan dianggarkan setiap kali simposium diadakan, para peserta dianggarkan seramai 200 hingga 450 orang yang hadir.

Jelas Sahmsul, pada

simposium yang diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, dianggarkan seramai 250 peserta dari seluruh daerah di negeri ini.

"Apa yang menariknya, kehadiran Profesor Madya Dr Ramzah Dambul dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang juga Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan untuk memberi sokongan serta membincangkan isu-isu penambahbaikan pendidikan Islam," katanya.

Berdasarkan rekod perjalanan Simposium

Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, ia telah diadakan sejak tahun 2017 di seluruh negara dengan melibatkan 4,067 guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, para pegawai dan penyelia Pendidikan Islam Daerah serta para pentadbir sekolah.

Shamsul berkata, siri simposium itu menjadi platform penting bagi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk berinteraksi secara langsung dengan pelbagai peringkat warga pendidikan Islam di seluruh negara.

"Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan menyampaikan maklumat terkini berhubung dasar pendidikan Islam dan mendapatkan 'feedback' daripada mereka secara bersemuka," jelasnya.

Tambahnya, yang sangat menarik adalah merapatkan hubungan antara pihak pembuat dasar dan pelaksana dasar pendidikan Islam negara.

"Respon yang diterima oleh bahagian ini ke atas pelaksanaan siri simposium kali pertama amat positif dan para peserta mencadangkan supaya simposium seperti

ini diteruskan pada masa hadapan," katanya.

Jelasnya, pelaksanaan simposium itu juga selaras dengan hasrat Menteri Pendidikan dalam usaha menambah baik persekitaran pendidikan negara dengan memberi penekanan empat elemen iaitu kegembiraan, kasih sayang, saling hormat menghormati serta manusiawi.

Sepanjang simposium dilaksanakan selama sehari, antara aktiviti ialah ucpatama pimpinan Kementerian Pendidikan Malaysia, pakar pendidikan, pembentangan kertas kerja oleh pakar-pakar akademik, para pengurus pendidikan Islam, forum, pembentangan resolusi, pameran inovasi serta jualan buku.

"Aktiviti-aktiviti ini akar memantapkan kefahaman para peserta berhubung perkara yang dibincangkan dalam kalangan para pembentangan dan peserta simposium," katanya.

Antara panel yang terlibat dalam simposium itu ialah Dr Halimatus Saadiah Mat Saad, Dr Bani Hidayat Mohd Shafiq dan Dr Ghazali Sulaiman sebagai moderator.



GAMBAR kenangan para peserta bersama Jawatankuasa Penganjur Simposium Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Kementerian Pendidikan Malaysia.



SESI interaksi bersama Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan berkaitan isu-isu penambahbaikan pendidikan Islam.